

Malaysia yakin kekal prestasi

BH 15 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tetap yakin dapat mengekalkan pertumbuhan positif meskipun jangkaan berlaku sedikit kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai harapan yang baik untuk mengekalkan pertumbuhannya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai prospek ekonomi negara berikutan perkembangan ekonomi Amerika.

Negara mencatat pertumbuhan 11.7 peratus pada suku pertama tahun ini.

Dalam sidang akhbar selepas melancarkan kereta Perodua Kenari di sini hari ini, Dr Mahathir berkata pertumbuhan domestik dalam separuh pertama tahun ini mungkin tidak setinggi dalam suku pertama kedua tahun ini.

Bagaimanapun, katanya pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) separuh kedua tahun ini masih lebih tinggi berbanding angka suku ketiga tahun lalu sebanyak 8.1 peratus.

Bank Negara meramalkan pertumbuhan KDNK di antara 7.5 hingga 8.0 peratus bagi tahun ini.